

15 NOV 1998

APEC-BERITA-ABAC

APEC PERLU KAJI SEMULA KEJAYAAN MASA LEPAS - TAJUDIN

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Apec perlu mengkaji semula kejayaan masa lepasnya untuk membangunkan dan membentuk peranannya di masa depan, kata pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC), Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

Bercakap pada sidang kemuncak ABAC yang bermula di sini hari ini, beliau berkata pendekatan ini perlu bagi memastikan Apec kekal relevan pada setiap masa dan berguna untuk rakyatnya.

Katanya Apec berada diambang globalisasi dan liberalisasi dan tidak ramai yang mempertikaikan bahawa ini adalah perkara yang baik.

"Tetapi sekiranya globalisasi dan liberalisasi mahu berjaya dan berterusan, semua ekonomi dalam dan di luar Apec perlu berjaya," katanya.

Mesyuarat Abac itu dengan tema "Apec Yang Baru Untuk Alaf Yang Baru" dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

--BERNAMA

AA AAM WAT